

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN NGA KOR MING [ TAIPING]**

**TARIKH : 8 JUN 2015 (ISNIN)**

**SOALAN :**

Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang disediakan untuk program 1 AZAM dan berapakah penerima yang menikmati manfaat daripada program tersebut.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI BINTI ABDUL KARIM,  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT**

Tuan Yang di-Pertua,

Program 1AZAM adalah sebuah program yang berteraskan kebajikan produktif bertujuan untuk menyediakan peluang menjana pendapatan kepada golongan miskin. Program 1AZAM menumpukan kepada beberapa aktiviti ekonomi yang diterajui oleh agensi-agensi tertentu seperti berikut:

- (i) bidang perniagaan (AZAM Niaga) dan perkhidmatan (AZAM Khidmat) yang diterajui oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM);
- (ii) bidang pertanian (AZAM Tani) diterajui oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA);
- (iii) bidang pekerjaan (AZAM Kerja) diterajui oleh Kementerian Sumber Manusia (MOHR); dan

- (iv) Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak sebagai agensi pelaksana bagi semua jenis Program 1AZAM tersebut.

Bagi tempoh Januari 2010 hingga 31 Disember 2014, Program 1AZAM telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan penyertaan sejumlah **173,445** orang dari seluruh negara. Program 1AZAM menyediakan pemberian bantuan peralatan perniagaan, penempatan pekerjaan dan bantuan pinjaman modal perniagaan.

Bagi tempoh 2010 sehingga 2015, sejumlah **RM1.98 billion** telah disalurkan kepada setiap *champion* bagi menjayakan Program 1AZAM di seluruh negara.